

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
(SETIAWANGSA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 04.11.2015

Y.B. DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI [SETIAWANGSA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa lamakah tempoh sebenar bagi sebuah syarikat membuat tuntutan terhadap Good and Services Tax (GST) yang dikenakan terhadap mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sesuatu permohonan tuntutan cukai input, Kerajaan akan memulangkan bayaran tersebut dalam masa 14 hari bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara *online* dan 28

hari bagi bekerja bagi penyerahan borang tuntutan secara manual. Bagi bulan Julai 2015, sebanyak 41.6% permohonan telah diproses dalam tempoh 14 hari bekerja, 53.8% permohonan telah diproses dalam tempoh 28 hari bekerja dan baki 4.6% permohonan diproses melebihi tempoh 30 hari bekerja. Antara punca kelewatan pulang balik adalah seperti berikut:

- i. syarikat menghantar borang dalam tempoh bercukai yang salah;
- ii. borang GST-03 salah diisi atau tidak lengkap;
- iii. maklumat bank tidak lengkap;
- iv. maklumbalas yang lambat oleh pihak syarikat apabila dikuiiri oleh pihak JKDM bagi tujuan verifikasi; dan
- v. tuntutan yang diragui.

Di pihak JKDM juga, prosedur yang terlibat telah ditambah baik untuk memastikan pembayaran balik cukai input dibuat dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh bayaran balik cukai input juga dijangka akan terus bertambah baik di masa hadapan apabila pihak syarikat menjadi lebih arif dalam proses tuntutan dan mengemukakan maklumat yang betul dan tepat.